



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development and Communications

Pejabat Kepentingan Berbilang Budaya

Disampaikan oleh Jabatan Industri Kerajaan Tempatan,
Sukan Dan Kebudayaan di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

Perkhidmatan

Jabatan Industri Kerajaan Tempatan, Sukan Dan Kebudayaan – Pejabat Kepentingan Berbilang Budaya (OMI), bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan yang berikut:

- mengenal pasti peluang yang dapat meninggikan kadar penyertaan komuniti di Wilayah Lautan Hindi yang Beraneka Budaya dan Bahasa (CaLD) dalam kehidupan sosial dan kebudayaan
- menyediakan alat-alat amali untuk agensi-agensi kerajaan supaya mereka dapat meluaskan kepakaran menyampaikan perkhidmatan yang memenuhi keperluan komuniti di Wilayah Lautan Hindi
- memudahkan hubungan antara organisasi perkhidmatan komuniti yang pakar di WA dengan komuniti CaLD di Wilayah Lautan Hindi
- menghasilkan dan menyokong inisiatif seiring dengan organisasi komuniti dan kerajaan tempatan Wilayah Lautan Hindi untuk menggiatkan interaksi dan kesedaran antara budaya serta menentang perkauman dan diskriminasi.

Apakah ertinya bagi saya?

Jabatan Industri Kerajaan Tempatan, Sukan Dan Kebudayaan – OMI akan:

- menghasilkan inisiatif peningkatan kemampuan untuk meninggikan kadar penyertaan penduduk berlatar belakang CaLD di Wilayah Lautan Hindi
- menyokong agensi-agensi kerajaan di Wilayah Lautan Hindi agar lebih mudah dihubungi dan lebih cepat bergerak balas terhadap keperluan komuniti CaLD
- menjalankan hubungan antara organisasi perkhidmatan komuniti di WA dengan komuniti CaLD di Wilayah Lautan Hindi

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 6552 7300
E-mel	harmony@omi.wa.gov.au
Laman web	www.omi.wa.gov.au